

Headline	TNB, CBP agih sumbangan sempena Aidilfitri		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	17 May 2020	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	Ekonomi	Page No	29
ArticleSize	355 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,974		



TNB, CBP agih sumbangan sempena Aidilfitri

KUALA LUMPUR: Tenaga Nasional Berhad (TNB) membekalkan bingkisan raya kepada warga kerjanya yang bertugas pada raya pertama Aidilfitri nanti dengan mengagihkan 10,260 bingkisan berbanding 9,300 pada tahun lalu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, tradisi yang menjadi amalan sejak 2005 itu adalah untuk menghargai warga kerja TNB yang dijadualkan bertugas pada sambutan Hari Raya Aidilfitri nanti.

"Terdapat warga kerja TNB

yang terpaksa berjauhan dan tidak dapat pulang ke pangkuhan keluarga masing-masing sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula kerana sebahagian besar pegawai barisan hadapan kami tunggu sedia di lokasi kritis-kritis seperti di hospital dan stesen-stesen jana elektrik," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau menyifatkan warga kerja yang bertugas sebagai wira bagi memastikan operasi TNB kekal lancar dan menjadi semakin penting sepanjang Aidilfitri kali ini disebabkan negara masih belum bebas daripada pan-

demik Covid-19.

Majlis pengagihan bingkisan telah disempurnakan Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid dalam satu majlis yang berlangsung secara sederhana di Kompleks Balai Islam An-Nur TNB Ibu Pejabat TNB, di sini.

Turut hadir, isteri Amir Hamzah yang juga Yang Dipertua Persatuan Wanita (PELITAWANIS) TNB Kebangsaan, Datin Seri Aidah Abu; isteri Pengerusi TNB, Datin Seri Noraini Abdul-Lah selaku Penuaung PELITAWANIS TNB serta anggota pengurusan tertinggi TNB.

Sementara itu, Aidah ber-



TNB membekalkan bingkisan raya kepada warga kerjanya.

kata peningkatan jumlah bingkisan tahun ini disebabkan pengagihan kepada kakitangan anak syarikat TNB iaitu Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) berbanding agihan untuk warga kerja TNB di Semenanjung sahaja sebelum ini.

Dalam satu kenyataan yang berasingan, Co-opbank Pertama (CBP) berkata ia juga telah menyampaikan

sumbangan kepada lebih 600 orang golongan B40, ahli CBP dan asnaf di bawah program CB-Prihatin Nur Ramadan di semua cawangan CBP di seluruh negara.

Presiden yang juga CEO CBP Mohd Nor Abd Razak berkata program itu adalah lanjutan kepada Program CB-Prihatin yang diumumkan pada 8 April lepas bertujuan untuk membantu pi-

hak yang terkesan akibat wabak Covid-19, dan ia dijalankan serentak di semua cawangan CBP seluruh negara.

"Kami amat memahami keperitan kewangan oleh golongan B40 dan asnaf terutama dalam tempoh PKP ini, ada di antara mereka yang bergaji harian dan menjasakan pendapatan mereka," katanya. – Bernama

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
B40 Related (B40 Related)	2	0	RM 0
Bernama - MREM (Bernama - MREM 6)	2	0	RM 0
Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad (Co-opbank Persatuan)	1	0	RM 0
Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC - Stakeholders)	1	0	RM 0
Human Resource (Human Resource)	2	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama)	1	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pertubuhan Berita Nasional)	1	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	1	0	RM 0
PLUS - MCO (PLUS - MCO)	2	0	RM 0
PUB - Johor River Water Works (PUB JRWW) (Immigration &	1	0	RM 0
Sabah Electricity Sdn Bhd (Sabah Electricity Sdn Bhd)	3	0	RM 0
Star Reacher - Coronavirus (Star Reacher - Coronavirus)	2	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional)	17	0	RM 0
UKM - internal checking only (UKM - internal checking only)	1	0	RM 0